

# Dua lelaki disyaki menghalang tugas rasmi pegawai JHS dibebaskan dengan jaminan bon

**MIRI:** Dua lelaki yang ditangkap kerana disyaki menghalang pegawai Jabatan Hutan Sarawak (JHS) daripada menjalankan tugas rasmi diperintahkan Mahkamah Majistret di sini, semalam supaya dibebaskan dengan jaminan bon JHS.

Perintah itu dikeluarkan Penolong Kanan Pendaftar Mohammad Helmi Ahmad Jani setelah mendengar permohonan yang dikemukakan oleh pegawai pendakwa dari JHS.

Dalam permohonannya, pegawai terbabit memohon agar Christopher Jau, 52, dan Semali Sait, 57, dibebaskan dengan jaminan bon sementara menunggu arahan lanjut daripada Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak.

Terdahulu, kedua-dua

lelaki terbabit yang ditangkap pada 28 Jun lalu telah diperintahkan supaya direman empat hari dan tempoh reman ke atas mereka tamat pagi semalam.

Kes disiasat lanjut di bawah Seksyen 103(1) Ordinan Perhutanan 2015 (Bab 71) yang memperuntukkan kesalahan menyerang, menghalang, mengganggu atau campur tangan dengan mana-mana pegawai hutan, pegawai polis atau penjawat awam semasa menjalankan tugas rasmi mereka.

Selain itu, mereka turut disiasat di bawah Seksyen 26 ordinan sama bagi kesalahan berkaitan menceroboh hutan simpan atau terlindung.

Kedua-dua mereka diwakili peguam bela Abun Sui Anyit.



**JAMINAN BON:** Abun (depan, dua kiri) bersama Christopher dan Semail serta ahli keluarga mereka sebaik kedua-dua suspek dibebaskan daripada tahanan reman pagi semalam.

Sementara itu, JHS dalam satu kenyataan yang dikeluarkan memaklumkan kertas siasatan berhubung

kes itu akan dikemukakan kepada pihak Peguam Besar Negeri Sarawak untuk tindakan lanjut.